

21/02/1998

Wilayah Persekutuan hormati nasihat Presiden

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan memutuskan tidak ada pertandingan bagi jawatan ketua bahagian sebagai menghormati nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu pimpinan peringkat bahagian berunding bagi mengelakkan pertandingan.

Ketua Penerangannya, Kassim Tadin, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat jawatankuasa perhubungan parti yang dipengerusikan ketuanya, Datuk Sulaiman Mohamed, malam tadi.

"Kita akur dengan nasihat pucuk pimpinan parti yang mahu mewujudkan keharmonian di semua peringkat dengan mengelakkan pertandingan jawatan ketua," katanya pada sidang akhbar mengumumkan keputusan itu, di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, perhubungan Umno negeri berharap bahagian yang mempunyai masalah supaya berunding menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Sebelum ini dilaporkan, tujuh Ketua Bahagian Umno Wilayah Persekutuan dijangka tidak dicabar dalam pemilihan parti peringkat bahagian bermula 12 hingga 29 Mac ini.

Ketua bahagian yang tidak dicabar ialah Titiwangsa, Segambut, Kepong, Cheras, Bukit Bintang, Lembah Pantai dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bahagian Titiwangsa diterajui sendiri Sulaiman; Kassim (Segambut), Datuk Rizuan Abdul Hamid (Kepong), Mokhtar Samad (Cheras), Datuk Roslan Ali Omar (Bukit Bintang), Datuk Kamal Hussain (Lembah Pantai), Muluk Awang Damit (Labuan).

Setakat ini, persaingan hampir pasti berlaku di empat bahagian iaitu Wangsa Maju, Seputeh, Bandar Tun Razak dan Batu.

Wangsa Maju diterajui Datuk Dr Kamal Salleh, Zakariah Salleh (Seputeh), Tamunif Mokhtar (Bandar Tun Razak) dan Datuk Azman Atar Othman (Batu).

Kassim yang juga Pengerusi Etika dan Bantahan Umno Wilayah Persekutuan, berkata pihaknya yakin penyelesaian masih boleh dibuat di kalangan pemimpin bahagian untuk mengelakkan pertandingan.

Bagaimanapun, katanya, jika pertandingan tidak dapat dielakkan, perhubungan Umno negeri berharap ia dijalankan secara beretika dan mengikut lunas demokrasi.

"Sebagai sebuah parti besar dan memiliki ahli yang matang, pertandingan seharusnya mengikut semangat demokrasi dengan menghindarkan tohmahan, umpat keji dan fitnah," katanya.

Kassim berkata, dalam mesyuarat malam tadi, laporan turut diterima mengenai aduan penggunaan politik wang dan elemen lain yang dianggap bertentangan dengan peraturan parti.

"Sebagai Pengerusi Etika dan Aduan, saya sudah diarah menyiasat dan mengemukakan laporan serta perakuan kepada perhubungan negeri.

"Saya masih menunggu laporan rasmi dan akan memulakan siasatan selepas menerima aduan itu," katanya.

(END)